A **RAMUNAS SDN BHD & SATU LAGI lwn. KAMARUDDIN JUSOH & YANG LAIN**

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, SHAH ALAM
WAN AFRAH IBRAHIM H
[GUAMAN SIVIL NO: 21-547-2010]
B 14 APRIL 2015

KASTAM DAN EKSAIS: *Penyitaan – Kesahihan penyitaan – Pengesilan premis perniagaan – Sama ada penyitaan barangan import dan pengesilan premis sah – Sama ada plaintif mempunyai lesen import yang sah – Sama ada wujud sebab*
C *munasabah untuk mengesyaki bahawa barangan yang disita terlibat dalam kesalahan Akta Kastam 1967 – Permohonan untuk pelepasan barangan import yang disita – Sama ada penyitaan berterusan selepas satu bulan dalam pematuhan undang-undang – Sama ada plaintif berhak menuntut ganti rugi dan pampasan*

D Plaintif pertama, pemegang lesen import yang sah untuk mengimport barang yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Kastam, telah membeli 340 master-cases/272,000 karton rokok kretek berjenama CLUB ('rokok-rokok') dari Indonesia. Sebelum rokok-rokok tersebut dibawa masuk dari Indonesia, plaintif pertama telah memohon untuk membeli label cukai untuk dilekatkan pada rokok-rokok tersebut. Pembelian label cukai tersebut telah diluluskan
E dan dibekalkan kepada plaintif kedua oleh Pejabat Kastam. Pada 17 Februari 2010 plaintif pertama telah membawa masuk rokok-rokok tersebut secara sah ke Pelabuhan Barat di mana rokok-rokok tersebut telah disimpan di Gudang Westport Distripark Consortium di Pelabuhan Barat ('Gudang Westport'). Pada bulan Mac 2010, plaintif pertama telah memindahkan
F 96 master-cases rokok-rokok tersebut secara sah dari Pelabuhan Barat ke Gudang Berlesen NCER Trading Sdn Bhd ('Gudang NCER') di Perlis. Gudang NCER adalah dilesenkan di bawah s. 65 Akta Kastam 1967 untuk menyimpan atau stor barang berduti atau barang belum dibayar duti/cukai. Pada sekitar 5 Julai 2010 pula, plaintif pertama telah memasuki satu kontrak
G dengan Kongkan Enterprise Limited Partnership, Hatyai, Songkhla, Thailand ('Kongkan Enterprise') untuk menjual 295 master-cases (23,600 karton) rokok-rokok tersebut kepada Kongkan Enterprise. Walau bagaimanapun, pada 27 September 2010, premis plaintif pertama telah disilkan dan 19,507 karton rokok di Gudang Westport telah disita oleh
H defendan-defendan. Pada 30 September 2010, 3,840 karton rokok di Gudang NCER juga telah disita oleh defendan-defendan. Plaintif-plaintif menegaskan bahawa pengesilan premis plaintif pertama dan penyitaan rokok-rokok tersebut adalah tidak sah atas alasan, antara lain, kerana plaintif-plaintif mempunyai satu lesen import yang sah untuk mengimport ke dalam atau memindahkan rokok-rokok tersebut dari kawasan Zon Bebas ke kawasan
I Kastam Utama. Oleh itu, pada 27 September 2010 plaintif-plaintif telah hadir di hadapan defendan ketiga untuk memohon pelepasan rokok-rokok tersebut dengan mengemukakan dokumen-dokumen yang relevan tetapi defendan ketiga masih gagal dan/atau enggan melepaskan rokok-rokok

tersebut kepada plaintif-plaintif. Plaintif-plaintif menghujahkan bahawa akibat penyitaan rokok-rokok tersebut, kontrak jual beli dengan Kongkan Enterprise telah ditamatkan dan plaintif-plaintif mengalami kerugian. Oleh itu, tindakan dimulakan oleh plaintif-plaintif antara lain, untuk (i) ganti rugi sebanyak RM472,120 untuk harga 292 master-case rokok-rokok yang telah disita oleh defendan; dan (ii) ganti rugi sebanyak RM14,470,400 untuk kehilangan pendapatan akibat daripada pembatalan kontrak disebabkan oleh penyitaan rokok-rokok tersebut. Isu-isu yang dibangkitkan untuk pertimbangan mahkamah, antara lain, adalah (i) sama ada penyitaan 19,507 karton rokok pada 27 September 2010 di Gudang Westport dan penyitaan 3,840 karton rokok pada 30 September 2010 di Gudang NCER adalah sah; (ii) sama ada pengesilan premis plaintif pertama adalah sah; dan (iii) sama ada plaintif-plaintif berhak untuk menuntut pampasan dan ganti rugi.

Diputuskan (membenarkan sebahagian tuntutan plaintif dengan kos):

(1) Pembelaan defendan-defendan adalah bahawa rampasan dan penyitaan tersebut dibuat berdasarkan wujudnya bukti *prima facie* bahawa plaintif-plaintif disyaki telah melakukan kesalahan di bawah Akta Kastam 1967 ('Akta Kastam'). Walau bagaimanapun dalam hujahan bertulis, defendan-defendan telah menghujahkan bahawa wujudnya sebab yang munasabah untuk mempercayai kesalahan telah dilakukan oleh plaintif-plaintif di mana defendan-defendan berhak membuat rampasan. Oleh itu, defendan-defendan telah terserong dari plidingnya. (perenggan 44)

(2) Defendan-defendan telah gagal mengemukakan sebarang bukti yang kukuh untuk membuktikan bahawa barang yang disita adalah tidak berkastam atau dilarang untuk mengesahkan sesuatu kesalahan di bawah s. 135(1)(a) dan (d) Akta Kastam telah dilakukan. Jika penyitaan rokok-rokok tersebut adalah berdasarkan bukti *prima facie*, maka defendan-defendan adalah dibebankan untuk membuktikan bahawa keterangan adalah mencukupi untuk dijawabkan oleh plaintif-plaintif. (perenggan 45)

(3) Plaintif pertama mempunyai lesen import yang sah dan telah memperolehi kelulusan serta dibekalkan label cukai dari Jabatan Kastam bagi tujuan pemindahan rokok-rokok tersebut dari Zon Bebas ke kawasan Kastam Utama. Oleh itu, tidak ada sebab yang munasabah untuk mempercayai atau mengesyaki bahawa rokok-rokok yang telah dirampas di Gudang Westport dan Gudang NCER adalah tidak berkastam atau dilarang. Plaintif-plaintif telah mematuhi undang-undang untuk memindahkan rokok-rokok tersebut dari Zon Bebas ke Gudang NCER. (perenggan 54 & 55)

(4) Plaintif pertama telah memohon label cukai tidak berbayar dan pihak kastam telah meluluskan permohonan tersebut. Plaintif kedua telah melekatkan ke atas kotak rokok-rokok tersebut bagi membolehkan barang tersebut dipindahkan dari kawasan Zon Bebas ke kawasan Utama Kastam. Walaupun terdapat kesilapan oleh Jabatan Kastam dalam

pembekalan label cukai kepada plaintif pertama, adalah tanggungjawab Jabatan Kastam untuk memberi notis kepada plaintif-plaintif bahawa label cukai yang salah telah diisukan kepada plaintif pertama. Berkenaan dengan bukti penjualan barangan di pasaran tempatan, defendan-defendan telah gagal untuk memplid dalam pernyataan pembelaannya mengenai fakta penjualan barang tersebut di pasaran tempatan. (perenggan 57, 61 & 63)

(5) Apabila menerima tuntutan daripada plaintif kedua serta peguamcara plaintif melalui surat bertarikh 25 Oktober 2010, defendan-defendan sepatutnya merujuk perkara tersebut kepada mahkamah untuk diputuskan menurut s. 128(3) Akta Kastam tetapi gagal berbuat demikian. Kehadiran plaintif kedua pada 27 September 2010 untuk menuntut pelepasan rokok-rokok tersebut dan pengeluaran surat peguam bertarikh 25 Oktober 2010 adalah notis yang memadai bahawa plaintif-plaintif menuntut pelepasan rokok-rokok tersebut. (perenggan 66, 67 & 69)

(6) Perkataan 'may' yang disebut dalam s. 128(2) Akta Kastam hanyalah 'permissive' dan bukan 'mandatory'. Suatu notis bertulis untuk menuntut barang yang disita boleh dikeluarkan dalam apa-apa cara memandangkan undang-undang tidak menyatakan satu bentuk spesifik selagi notis tuntutan tersebut dibawa kepada pengetahuan defendan-defendan. Apabila tempoh satu bulan kalendar dari tarikh penyitaan rokok-rokok tersebut tamat dan tiada apa-apa pendakwaan dibuat berkaitan dengan barang yang disita dalam tempoh tersebut, kegagalan merujuk perkara tersebut kepada mahkamah menjadikan penyitaan rokok-rokok tersebut secara berterusan sebagai tidak sah. (perenggan 70 & 71)

(7) Plaintif-plaintif layak untuk mendapat RM472,120 untuk harga 292 master-case rokok-rokok tersebut yang telah disita dan semua kos yang berbangkit. Bagi jumlah RM14,470,400 yang dituntut oleh plaintif, plaintif tidak layak untuk jumlah tersebut kerana ia adalah lebih kepada pure economic loss. Plaintif tidak layak mendapat ganti rugi di atas halangan undang-undang melalui s. 3 Akta Undang-Undang Sivil 1956 dan juga atas sebab pertimbangan polisi dan keadaan-keadaan tempatan. Justeru, plaintif-plaintif hanya layak untuk kos rokok-rokok yang telah dibeli olehnya tetapi disita oleh defendan-defendan. (perenggan 86, 87, 91 & 93)

Kes-kes yang dirujuk:

Bumi Telecommunication And IT Supply Sdn Bhd v. Khairil Anuar Ismail & Ors [2013] 1 LNS 868 HC ***(dirujuk)***

Government of the State of Sabah v. Syarikat Raspand [2010] 7 CLJ 945 CA ***(dirujuk)***

Hock Huat Chan Sdn Bhd v. Assan Mohammad & Ors [2008] 4 CLJ 512 HC ***(dirujuk)***

Lt Kol Yusof Abdul Rahman v. Kol Anuar Md Amin, Yang Dipertua Mahkamah Tentera Pulau Pinang & Anor [1997] 2 CLJ 752 CA ***(dirujuk)***

Majlis Perbandaran Ampang Jaya v. Steven Phoa Cheng Loon & Ors [2006] 2 CLJ 1 FC ***(dirujuk)***
Ng Boon Seng v. PP [2009] 1 LNS 1399 HC ***(dirujuk)***
Pengarah, Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan, Semenanjung Malaysia & Ors v. Sistem Transit Aliran Rakyat 7 Sdn Bhd [2012] 1 LNS 1375 CA ***(dirujuk)***
Pilba Trading & Agency v. South East Asia Insurance Bhd & Anor [1999] 8 CLJ 403 HC ***(dirujuk)***
Soong Chee Kong v. Public Prosecutor And Ng Soon Sum and Anor v. Public Prosecutor [1950] 1 LNS 84 HC ***(dirujuk)***
SS Legend Nautilus (M) Sdn Bhd v. Hamzah Mohd Ghauth & Ors [2013] 3 CLJ 947 HC ***(dirujuk)***
UDA Holdings Bhd v. Koperasi Pasaraya Malaysia Bhd & Other Appeals [2009] 1 CLJ 329 FC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Civil Law Act 1956, s. 3
Customs (Prohibition of Imports) Order 2008, ss. 3(1), (2)(1)(iii), 6(2)
Customs Act 1967, ss. 2, 2(1A), 26, 31, 65, 106A, 106B, 107, 108, 114(3), 114A, 125, 128(1), (2), (3), 132, 135(1)(a), (d)
Customs Regulations 1977, reg. 18
Federal Constitution, art. 145
Free Zones Act 1990, ss. 2, 4, 22, 26

Bagi pihak plaintif-plaintif - JR Ravendren; T/n JR Ravendren & Assocs
Bagi pihak defendan-defendan - Andi Razalijaya; Peguam Kanan Persekutuan

Dilaporkan oleh S Kahvitha

PENGHAKIMAN

Wan Afrah Ibrahim H:

Pengenalan

[1] Plaintif telah memfailkan tindakan terhadap defendan di mana plaintif menuntut pampasan dan ganti rugi berkenaan penyitaan secara salah barang kretek milikan plaintif pertama serta pengesilan secara tidak sah premis plaintif pertama oleh defendan-defendan.

Fakta Yang Dipersetujui

[2] Plaintif pertama adalah pemegang lesen import yang sah untuk mengimport barang sebagaimana diluluskan oleh Ketua Pengarah Kastam (ms. 8 dan 9 Ikatan B). Pada 26 Oktober 2009 plaintif pertama telah membeli 340 master-cases/272,000 karton barang kretek berjenama CLUB (selepas ini dirujuk sebagai "barang tersebut") daripada PT BENTOEL PRIMA, Indonesia (eks. P26, P27, P28, P29 dan P30 dirujuk dalam ms. 73-78). Pada 17 Februari 2010 plaintif pertama telah membawa masuk barang tersebut secara sah ke Pelabuhan Barat, Pelabuhan Klang di mana barang tersebut telah disimpan di Gudang Westport Distripark Consortium di Pelabuhan Barat, Pelabuhan Klang.

[3] Pada 7 Januari 2010 sebelum barang tersebut dibawa masuk ke dalam Pelabuhan Barat, Pelabuhan Klang dari Indonesia, plaintif kedua, setelah mendapat nasihat daripada Jabatan Kastam Pelabuhan Klang, plaintif pertama telah memohon untuk membeli label cukai Malaysian Duty Not Paid (MDNP) untuk dilekatkan pada barang tersebut. Pembelian label cukai tersebut telah diluluskan dan seterusnya dibekalkan kepada plaintif kedua oleh Pejabat Kastam Wilayah Persekutuan yang mana plaintif kedua kemudian membawa label cukai tersebut ke Indonesia untuk dilekatkan pada barang tersebut (ms. 10-12 Ikatan B).

[4] Sekitar bulan Mac 2010 plaintif pertama telah menerima pesanan pembelian daripada Choo & Yung Trading, Padang Besar, Perlis untuk membeli 96 master-cases (7680 karton) barang tersebut.

[5] Seterusnya, plaintif pertama telah memindah 96 master-cases barang tersebut secara sah dari Pelabuhan Barat, Pelabuhan Klang kepada Gudang Berlesen NCER Trading Sdn Bhd di Padang Besar, Perlis selepas mendapat kelulusan daripada Pejabat Kastam Pelabuhan Klang melalui Borang Kastam No. 8. Gudang Berlesen NCER Trading Sdn Bhd di Padang Besar, Perlis adalah dilesenkan di bawah s. 65 Akta Kastam 1967 yang membolehkan NCER Trading untuk menyimpan atau stor barang berduti atau barang belum dibayar duti/cukai (ms. 35-39 Ikatan B).

[6] Pada atau sekitar 5 Julai 2010 plaintif pertama telah memasuki satu kontrak dengan Kongkan Enterprise Limited Partnership, Hatyai, Songkhla, Thailand di mana plaintif pertama telah bersetuju untuk menjual dan Kongkan Enterprise Limited Partnership bersetuju untuk membeli 295 master-cases (23,600 karton) barang tersebut tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat kontrak tersebut (eks. P5, ms. 88-89 Ikatan B).

[7] Pada 27 September 2010 plaintif kedua diberitahu bahawa premis perniagaan plaintif pertama telah dipecah masuk dan satu notis bertarikh 24 September 2010 telah dilekatkan pada pintu masuk. Pintu masuk premis tersebut pula telah disilkan (sealed) dengan satu pita yang mengandungi perkataan "DILARANG MASUK GARISAN KASTAM" (ms. 25-26 Ikatan B).

[8] Pada 27 September 2010 sekitar pukul 5.30 petang, defendan pertama telah menyita barang tersebut (244 master-cases/19507 karton) yang telah disimpan di Gudang Konsortium Westport Distripark Pelabuhan Barat, Pelabuhan Klang (ms. 28-32 Ikatan B).

[9] Plaintif-plaintif menegaskan bahawa penyitaan barang tersebut di Gudang Konsortium Westport Distripark, Pelabuhan Barat, Pelabuhan Klang dan Gudang NCER di Padang Besar, Perlis adalah tidak sah dan menyalahi undang-undang. Seterusnya plaintif menegaskan bahawa defendan-defendan tidak diberi kuasa di bawah Akta Kastam 1967 untuk mengesilkan premis plaintif pertama.

[10] Pada 27 September 2010 plaintif kedua bagi pihak plaintif pertama hadir berdepan dengan defendan ketiga untuk memohon pelepasan barang tersebut yang disita di Pelabuhan Barat dengan mengemukakan segala dokumen-dokumen yang relevan tetapi defendan ketiga masih gagal dan/atau enggan melepaskan barang tersebut kepada plaintif-plaintif.

[11] Pada 30 September 2010 atas arahan defendan ketiga sebanyak 48 master-cases (3840 karton) barang tersebut yang masih berada di Gudang NCER Padang Besar, Perlis telah disita oleh defendan-defendan (ms. 33-34 Ikatan B).

[12] Plaintif-plaintif menegaskan bahawa akibat penyitaan barang tersebut, kontrak jual beli di antara plaintif pertama dan Kongkan Enterprise Ltd Thailand telah ditamatkan. Plaintif-plaintif juga mengalami kerugian disebabkan pengesilan premis plaintif oleh defendan-defendan. Maka pada 25 Oktober 2010 plaintif pertama mengarahkan peguamcaranya untuk menuntut ganti rugi dan pampasan namun defendan-defendan gagal dan/atau enggan membayar pampasan/ganti rugi yang dituntut.

Pembelaan Pihak Defendan

[13] Defendan-defendan menyatakan bahawa rampasan yang dibuat adalah berdasarkan maklumat yang boleh dipercayai (credible information) bahawa telah berlakunya kesalahan di bawah undang-undang khasnya Akta Kastam 1967 dan Peraturan-Peraturan Kastam 1977. Antara kesalahan tersebut adalah menjual rokok import yang belum berbayar cukai kastam dalam pasaran tempatan.

[14] Di bawah s. 108 Akta Kastam 1967 dan s. 22 Akta Zon Bebas 1990, defendan mempunyai kuasa untuk membuat penggeledahan tanpa waran sekiranya terdapat sebab yang munasabah dipercayai terdapat barang-barang yang tidak berbayar atau terlarang di bawah Akta Kastam 1967. Selanjutnya di bawah s. 114 Akta Kastam dan s. 26 Akta Zon Bebas 1990, defendan-defendan mempunyai kuasa untuk merampas barang yang disyaki tersebut sehinggalah siasatan selesai sepenuhnya.

[15] Defendan-defendan menegaskan bahawa plaintif tiada kausa tindakan yang munasabah terhadap defendan-defendan.

Isu-Isu Untuk Dibicarakan

(a) Sama ada penyitaan 19,507 karton rokok kretek pada 27 September 2010 di Gudang Konsortium Westport Distripark, Pelabuhan Barat, Pelabuhan Klang dan penyitaan 3,840 karton rokok kretek pada 30 September 2010 di Gudang NCER, Padang Besar, Perlis dilakukan oleh defendan-defendan.

(b) Jika penyitaan rokok-rokok tersebut dilakukan oleh defendan-defendan, maka adakah penyitaan rokok-rokok tersebut sah atau tidak sah di sisi undang-undang.

(c) Jika penyitaan rokok-rokok tersebut adalah tidak sah, maka sama ada plaintif-plaintif berhak untuk menuntut pampasan dan ganti rugi yang dituntut.

(d) Sama ada pengesilan premis plaintif pertama oleh defendan-defendan sah atau tidak sah di sisi undang-undang.

(e) Jika pengesilan premis plaintif pertama adalah tidak sah maka sama ada plaintif-plaintif berhak untuk menuntut ganti rugi.

Hujahan Defendan

Sama Ada Penyitaan Pada 27 September 2010 Di Gudang Konsortium Westport Pelabuhan Barat, Pelabuhan Klang Dan Penyitaan 3,840 Karton Barang Tersebut Pada 30 September 2010 Di Gudang NCER Padang Besar, Perlis Oleh Defendan-Defendan Adalah Sah Di Sisi Undang-undang?

Serbuan

[16] Defendan-defendan menyatakan bahawa serbuan yang dibuat adalah sah kerana plaintif disyaki menjual rokok-rokok kretek jenama CLUB uncustomed tersebut dalam pasaran tempatan dan Akta Kastam 1967 mengandungi kuasa umum untuk rampasan terhadap barang-barang dibuat, tanpa mengira apa jua jenis kesalahan yang didakwa telah dilakukan.

[17] Akta Kastam 1967 telah memberikan kuasa yang sangat luas untuk membuat penggeledahan sama ada dengan menggunakan waran geledah atau tanpa waran geledah. Suatu waran geledah boleh diperolehi daripada Majistret dengan mengemukakan keterangan bertulis secara bersumpah bahawa barang-barang yang disyaki menjadi suatu kesalahan tersebut terdapat di tempat/premis yang akan digeledah.

[18] Akta Kastam 1967 juga memberikan kuasa kepada pegawai kastam untuk memecahkan pintu, masuk secara paksa, membuang apa-apa yang menghalang untuk masuk, menggeledah, merampas dan menahan mana-mana orang yang dijumpai di tempat yang digeledah tersebut.

Seksyen 107 telah dirujuk.

Di dalam kes ini tiada sebarang waran yang telah diperolehi oleh pegawai-pegawai kastam. Ini adalah kerana penggeledahan adalah sah sekiranya ia termasuk di dalam ruang peruntukan s. 108 Akta Kastam 1967.

[19] Menurut hujahan pihak defendan, saksi-saksi pihak defendan menyatakan sekiranya pihak kastam bertindak lambat, maka dikhuatiri barang-barang yang disyaki terlibat dengan kesalahan tersebut akan dilarikan daripada premis plaintif. Maka dengan sebab itulah mereka menggunakan kuasa budi bicara mereka menurut peruntukan s. 108 Akta Kastam 1967 yang memberikan kuasa untuk melakukan penggeledahan tanpa waran.

[20] Di dalam kes ini Peguam Persekutuan berhujah bahawa berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada informer kami, rokok-rokok tersebut akan dijual dalam pasaran tempatan. Jadi proses penjualan tidak akan mengambil masa yang lama dan rokok tersebut kemungkinan akan dipindah keluar daripada premis tersebut pada bila-bila masa sahaja.

Seksyen 106A Akta Kastam dan s. 106B dirujuk.

Berdasarkan kedua-dua seksyen ini, Pegawai Kanan Kastam boleh menggeledah premis perniagaan plaintif di Subang Jaya.

Rampasan Dan Sitaan

[21] Seksyen 114 Akta Kastam 1967 memperuntukkan bahawa sekiranya wujud alasan yang munasabah untuk mengesyaki bahawa apa-apa barang telah tertakluk kepada apa-apa kesalahan terhadap Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya, boleh disita oleh mana-mana pegawai kastam di mana-mana tempat.

Seksyen 114(3) menetapkan bahawa apabila apa-apa barang disita di bawah Akta ini, pegawai yang menyita itu hendaklah dengan segera memberikan notis secara bertulis mengenai penyitaan itu dan alasannya kepada pemunya barang-barang itu, sama ada dengan menyerahkan notis itu kepada beliau secara peribadi atau melalui pos.

[22] Di dalam kes ini defendan kedua telah memaklumkan plaintif bahawa D2 telah menyita barang-barang plaintif seperti dokumen-dokumen yang melibatkan permohonan packaging rokok Club, surat-surat dan bil-bil berkaitan Syarikat Ramunas Sdn Bhd, sampel rokok Club dan CPU komputer. Selanjutnya D2 memaklumkan bahawa barang-barang tersebut disita kerana ada sebab-sebab yang munasabah untuk mengesyaki bahawa kesalahan telah dilakukan di bawah s. 135(1)(d) Akta Kastam 1967.

[23] Peguam defendan merujuk kepada notis penyitaan yang dikeluarkan oleh defendan kedua pada tarikh penggeledahan iaitu 24 September 2010.

[24] Peguam defendan berhujah bahawa pada masa penggeledahan dan sitaan tersebut dibuat, telah wujud dalam diri D2 itu sendiri, sebab-sebab yang munasabah untuk mengesyaki bahawa plaintif dipercayai telah melakukan kesalahan di bawah s. 135(1)(d) Akta Kastam 1967.

[25] Begitu juga dengan rampasan dan sitaan kedua dan ketiga yang dibuat pada tarikh 27 September 2010 dan 30 September 2010 masing-masing di Gudang Westport Klang dan di Gudang NCER Padang Besar Perlis.

Notis sita yang dikeluarkan oleh defendan pertama adalah dirujuk. Di dalam notis tersebut telah dinyatakan bahawa barang-barang disita disebabkan wujudnya sebab-sebab yang munasabah untuk mengesyaki kesalahan dilakukan di bawah Akta Kastam 1967.

Keterangan Saksi-Saksi Defendan Untuk Menyokong Wujudnya Sebab-Sebab Yang Munasabah Kesalahan Telah Dilakukan Di Bawah Akta Kastam 1967

[26] Keterangan SD1

SD1 semasa memberikan keterangan menyatakan seperti berikut:

S : Apa kaitan kamu dengan kes ini?

J : Saya telah menerima arahan untuk membuat pemeriksaan di Gudang NCER Perlis kerana terdapat maklumat yang boleh dipercayai bahawa satu kesalahan di bawah Akta Kastam telah dilakukan oleh Plaintif dan barang-barang yang tidak berbayar cukai kastam telah ditempatkan di sana.

S : Bila arahan diterima dan bilakah pemeriksaan dan sitaan dibuat?

J : Saya telah menerima arahan daripada Ketua Bahagian Penguatkuasaan Kastam Perlis pada tarikh 30.9.2010 dan pada tarikh yang sama lebih kurang jam 11.00 pagi saya telah pergi ke NCER Perlis bersama-sama 4 orang anggota.

S : Apa yang berlaku di sana?

J : Setibanya saya dan anggota di sana, saya terus berjumpa dengan Pengurus NCER Perlis, En. AS Ismail bin Hashim yang memperkenalkan diri sebagai wakil NCER. Saya telah memaklumkan beliau bahawa saya ingin membuat pemeriksaan terhadap rokok yang disimpan di dalam gudang tersebut. Pada masa itu, hanya rokok daripada Ramunas sahaja yang ditemui. Saya dan anggota terus membuat pemeriksaan terhadap rokok-rokok tersebut. Saya mengesyaki telah berlaku kesalahan di bawah Akta Kastam kerana di kotak paket rokok tersebut terdapat perkataan "Diimport oleh Ramunas" sedangkan rokok untuk tujuan eksport ke negara luar hendaklah tertera nama pengimport dari negara berkenaan dan di dalam kes ini hendaklah tertera perkataan Kongkan.

[27] Keterangan SD2

S : Apakah kaitan kamu dengan kes ini?

J : Saya mengetuai pasukan serbuan di premis pejabat Plaintif di Subang Jaya.

S : Apabila tiba di situ, apa yang berlaku?

J : Setibanya di sana, saya mendapati anggota-anggota KDRM yang lain termasuk Defendan Pertama telahpun menunggu di situ. Saya terus mengarahkan agar pintu dibuka kerana mengikut maklumat daripada Defendan Pertama, pintu tidak dibuka walaupun sudah berkali-kali ditekan loceng dan lampu pejabat menyala.

S : Apakah yang kamu nampak di dalam pejabat tersebut?

J : Saya mendapati CPU dalam keadaan "ON", bakul sampah berisi, tandas basah dan air conditioner masih dalam keadaan "ON". Saya syaki ada orang dalam pejabat dan telah keluar melalui pintu belakang yang mempunyai tangga untuk turun ke bawah.

S : Apakah tindakan kamu seterusnya?

J : Seterusnya arahkan Defendan Pertama merekodkan dokumen-dokumen dan barang-barang yang telah kami jumpai. Kami telah menyita dokumen-dokumen yang berkaitan dan CPU untuk tujuan siasatan lanjut.

S : Sila rujuk ms. 25 lkatan Dokumen Bersama. Apakah dokumen ini?

J : Ini adalah Notis Sita yang diletakkan di luar pintu masuk premis Plaintif.

S : Kenapakah pihak Kastam menyita barang-barang yang dinyatakan di dalam Notis Sita bertarikh 24.9.2010 tersebut?

J : Pihak kami menyita barangan tersebut kerana saya percaya bahawa dokumen-dokumen, bil-bil, surat-surat, CPU komputer dan sampel rokok jenama Club 16 batang tersebut telah digunakan bagi tujuan melakukan kesalahan yang saya syaki sepertimana yang saya terangkan tadi.

[28] Keterangan defendan pertama:

S : Apakah kaitan kamu dengan kes ini?

J : Saya telah menerima maklumat daripada "informer" mengenai kes ini. Saya juga terlibat dengan pemeriksaan pertama di premis pejabat Plaintif dan pemeriksaan serta penyitaan rokok-rokok jenama Club 16 batang di Gudang Konsortium Westport Distripark di Pelabuhan Barat, Pelabuhan Klang.

S : Apakah maklumat yang diterima daripada "informer" tersebut?

J : Saya telah menerima maklumat daripada "informer" yang mengatakan bahawa Plaintif disyaki telah melakukan kesalahan di bawah Akta Kastam 1967.

S : Apakah yang berlaku pada 24.9.2010?

J : Pada 24.9.2010 jam lebih kurang pukul 9.05 pagi saya telah diarahkan oleh Tuan Mohd Sapian bin Haji Sansi untuk membantu Defendan Kedua mengenalpasti kedudukan premis Ramunas yang disyaki memiliki barang-barang yang belum berbayar cukai kastam, untuk pemeriksaan dan siasatan lanjut. Lebih kurang pukul 10.40 pagi, saya sampai di premis Plaintif. Saya membunyikan loceng kerana nampak lampu menyala tetapi tidak mendapat jawapan.

S : Apakah yang berlaku seterusnya?

J : Saya menghubungi Tuan Sapian dan saya diberi arahan untuk menunggu kedatangan Encik Sukri. Saya juga diarahkan untuk ke balai polis berhampiran. Saya seterusnya ke Balai Polis Subang Jaya di USJ 8 dan membuat permohonan bantuan anggota polis untuk kawalan di premis Plaintif. Saya bersama 3 orang anggota polis dari balai tersebut telah kembali ke premis pejabat Ramunas.

S : Terangkan apa yang berlaku apabila kamu sampai semula di premis pejabat Ramunas dengan 3 orang anggota polis tersebut?

J : Encik Sukri telah sampai di sana dan beliau telah memberi arahan kepada anggota untuk mengumpil pintu bagi membolehkan kami masuk ke dalam premis dan menjalankan pemeriksaan.

S : Apakah yang kamu nampak di dalam pejabat tersebut?

J : Saya mendapati CPU dalam keadaan "ON", bakul sampah berisi, tandas basah dan air conditioner masih dalam keadaan "ON". Saya syaki ada orang dalam pejabat dan telah keluar melalui pintu belakang yang mempunyai tangga untuk turun ke bawah.

S : Apakah tindakan kamu seterusnya?

J : Seterusnya saya mula merekodkan dokumen-dokumen dan barang-barang yang telah kami jumpai. Saya telah menyita dokumen-dokumen yang berkaitan dan CPU untuk tujuan siasatan lanjut. Kemudian saya diarahkan untuk pergi semula ke Balai Subang Jaya, USJ 8 untuk membuat report polis.

S : Kenapakah kamu menyita barang-barang seperti di dalam Notis Sita di ms. 28-32?

J : Berdasarkan maklumat daripada informer, saya percaya bahawa terdapat cubaan penipuan cukai kastam di pihak Plaintif. Ini berdasarkan risikan dan siasatan awal pihak Kastam sebelum ini. Saya mengesyaki bahawa Plaintif telah dan akan menjual rokok-rokok tersebut di dalam negara sedangkan tiada cukai yang dibayar.

[29] Keterangan defendan ketiga:

S6 : Sila maklumkan kepada Mahkamah apakah yang berlaku sebelum kamu bertindak memulakan siasatan ke atas kes ini?

J6 : Pada 17 Ogos 2010 saya menerima laporan daripada Encik Kamaruddin bin Jusoh, Pegawai Kastam Kanan yang bertugas di cawangan saya bahawa seorang pemberi maklumat telah menyalurkan kepada beliau (Encik Kamaruddin) satu maklumat. Mengikut pemberi maklumat, ada seorang lelaki Melayu (kemudiannya dikenali sebagai Roslan bin Abu Bakar, Plaintif) yang cuba hendak menjual uncustomed rokok kretek pada harga RM1.80 per pek. Untuk menguji sama ada maklumat itu betul dan boleh dipercayai, saya mengarahkan Encik Kamaruddin untuk mendapatkan contoh rokok kretek yang dimaksudkan itu daripada pemberi maklumat. Pada 20 Ogos 2010 Encik Kamaruddin menyerahkan kepada saya 3 pek rokok jenama Club 16 yang diperolehi oleh pemberi maklumat daripada Plaintif. Saya mendapati bahawa ketiga-tiga pek rokok jenama Club 16 ini mempunyai label cukai rokok berwarna BIRU, yang bermaksud bahawa cukai ke atas rokok tersebut dipercayai telah dibayar.

S7 : Apakah tindakan kamu seterusnya?

J7 : Apabila mendapati ketiga-tiga pek rokok jenama Club 16 tersebut mempunyai label cukai rokok berwarna BIRU, saya mengarahkan Encik Kamaruddin untuk meneruskan risikannya.

S8 : Adakah label cukai rokok berwarna BIRU di atas ketiga-tiga pek rokok jenama Club 16 tersebut sama seperti label cukai berwarna BIRU dalam spesimen yang ada pada Mahkamah sekarang?

J8 : Tidak, label cukai rokok berwarna BIRU di atas ketiga-tiga pek rokok jenama Club tersebut adalah seperti spesimen yang ada dalam Kertas Siasatan.

S9 : Boleh kamu kemukakan kepada Mahkamah label cukai warna biru yang ada dalam Kertas Siasatan?

J9 : Boleh.

S10 : Mengapa wujud perbezaan tersebut?

J10 : Untuk makluman Mahkamah, label-label cukai untuk Jabatan Kastam telah dikeluarkan oleh vendor yang dilantik pada satu-satu masa. Label cukai pada kotak rokok jenama Club 16 batang yang disita tersebut sedikit berbeza dengan spesimen yang telah dikemukakan di Mahkamah sebelum ini. Ini adalah kerana spesimen yang dikemukakan di Mahkamah adalah versi baru yang dikeluarkan oleh Syarikat Lembah Sari untuk tujuan latihan. Manakala label cukai pada kotak rokok tersebut telah dikeluarkan oleh vendor terdahulu. Walau bagaimanapun, warna label untuk cukai berbayar tetap warna BIRU dan untuk cukai tidak berbayar adalah warna MERAH.

S10 : Apakah hasil risikan yang dilaporkan oleh Encik Kamaruddin kepada kamu?

J10 : Pada malam 22 September 2010 Encik Kamaruddin melaporkan bahawa Plaintif bersetuju untuk menjual sekurang-kurangnya 5 master cases rokok jenama Club 16 pada harga RM1.80 per pek kepada pemberi maklumat. Setelah berbincang dengan pemberi maklumat, Encik Sukri dan Encik Kamaruddin, saya bersetuju supaya dijalankan usaha untuk membeli rokok-rokok bekenaan daripada Plaintif.

S11 : Adakah jual beli rokok jenama Club 16 di antara pemberi maklumat dan Plaintif berlaku sepertimana dipersetujui?

J11 : Tidak.

S12 : Mengapa transaksi jual beli berkenaan tidak berlaku?

J12 : Saya diberitahu oleh Encik Kamaruddin bahawa jual beli tidak berlaku kerana Plaintif telah menaikkan harga serta menambahkan kuantiti rokok yang perlu dibeli oleh pemberi maklumat.

S13 : Apakah asas kamu mengesyaki penjualan uncustomed rokok jenama Club 16 tersebut dijual dalam pasaran tempatan?

J13 : Cukai yang dikenakan ke atas rokok satu pek 16 batang adalah RM6.72. Memandangkan rokok jenama Club 16 dengan mempunyai label cukai berwarna BIRU hendak dijual pada harga RM1.80 per pek, saya mengesyaki rokok berkenaan adalah uncustomed dan memerlukan siasatan lanjut.

[30] Berdasarkan keterangan yang dikemukakan ini, pihak-pihak berhujah bahawa adalah jelas barang-barang telah disita berdasarkan suatu syak yang munasabah dan ianya untuk tujuan siasatan lanjut.

[31] Peguam defendan telah merujuk kepada kes *Ng Boon Seng v. PP* [2009] 1 LNS 1399; [2010] 8 MLJ 26 dan *Bumi Telecommunication And IT Supply Sdn Bhd v. Khairil Anuar Ismail & Ors* [2013] 1 LNS 868 untuk menunjukkan bahawa sebab yang munasabah untuk mengesyaki bermakna syak yang munasabah dan ianya tidak boleh dikelirukan dengan bukti sebenar mengenai perlakuan suatu kesalahan.

Hujahan Plaintif

Sama Ada Penyitaan Pada 27 September 2010 Di Gudang Konsortium Westport Distripark Pelabuhan Barat, Pelabuhan Klang Dan Penyitaan Pada 30 September 2010 Di Gudang NCER Padang Besar, Perlis Oleh Defendan-Defendan Adalah Sah Atau Tidak Sah

Pihak-pihak Adalah Terikat Dengan Plidingnya:

(a) Defendan-defendan telah memplidkan di dalam pembelaannya bahawa penyitaan barang tersebut dan pengesilan premis plaintif pertama adalah berdasarkan maklumat, fakta dan keterangan *prima facie* iaitu plaintif telah melakukan satu kesalahan di bawah Akta Kastam 1967. Kini defendan-defendan pula berhujah dalam kes mereka bahawa asas penyitaan barang tersebut dilakukan atas sebab yang munasabah untuk mengesyaki bahawa suatu kesalahan telah dilakukan di bawah Akta Kastam 1967.

(b) Oleh itu defendan-defendan telah terserong dari plidingnya apabila berkata barang tersebut disita berasaskan kepada syak wasangka yang munasabah bahawa sesuatu kesalahan telah dilakukan dan tidak bergantung kepada apa yang telah diplidkan sebelum ini bahawa penyitaan dilakukan berasaskan bukti *prima facie*.

(c) Pihak defendan telah kemukakan bukti secara lisan berkenaan percubaan plaintif kedua untuk menjual barang tersebut di pasaran tempatan tetapi fakta ini juga tidak pernah diplid oleh defendan-defendan dalam pernyataan pembelaannya.

Sama Ada Wujud Satu Sebab Yang Munasabah Untuk Mengesyaki Satu Kesalahan Di Bawah Akta Kastam 1967 Dilakukan

(a) Peguam plaintif berhujah bahawa penyitaan 19,507 karton barang tersebut berlaku di Gudang Konsortium Westport Distripark, Pelabuhan Barat, Pelabuhan Klang. Adalah satu fakta yang tidak dipertikaikan bahawa Gudang Konsortium Westport Distripark, Pelabuhan Barat, Pelabuhan Klang terletak di dalam kawasan Zon Bebas di Malaysia. Lihat First Schedule of Free Zones Act 1990. Manakala penyitaan 3,840 karton barang tersebut dilakukan di Gudang NCER Padang Besar, Perlis di mana gudang tersebut merupakan satu gudang yang dilesenkan oleh Jabatan Kastam menurut s. 65 Akta Kastam 1967 yang membenarkan plaintif-plaintif menyimpan barang berduti atau barangan yang belum dibayar duti.

(b) Peruntukan undang-undang yang relevan kepada penyitaan barangan dalam Zon Bebas adalah s. 26 Akta Zon Bebas 1990. Ia jelas menyatakan bahawa barangan di dalam Zon Bebas boleh disita jika terdapat sebab-sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa sesuatu kesalahan telah dilakukan terhadap, atau apa-apa ingkaran Akta Kastam 1967 dan beberapa Akta yang ditetapkan.

(c) Berdasarkan notis penyitaan yang diisukan oleh pihak defendan berkenaan penyitaan barang tersebut di Gudang Konsortium Westport Distripark Pelabuhan Barat, Pelabuhan Klang dan Gudang NCER Trading di Padang Besar, defendan-defendan telah menyita barang tersebut berasaskan syak wasangka munasabah bahawa satu kesalahan di bawah s. 135(1)(d) Akta Kastam 1967 telah dilakukan.

Seksyen 135(1)(d) berbunyi seperti berikut:

> whoever knowingly harbours, keeps, conceals, or is in possession of, or permits, suffers, causes or procures to be harboured, kept or concealed, any uncustomed or prohibited goods.

[32] Peguam plaintif telah merujuk kepada kes:

(i) *Government of the State of Sabah v. Syarikat Raspand* [2010] 7 CLJ 945; [2010] 5 MLJ 717 (Tab F, IAP) berkenaan dengan isu syak wasangka yang munasabah bahawa satu kesalahan telah dilakukan. YA Mohd Hishamudin, JCA mengatakan "... in order to determine as to whether a forest officer has reason to believe that a forest offense has been committed, the court must examine the circumstances objectively and not subjectively".

(ii) *Hock Huat Chan Sdn Bhd v. Assan Mohammad & Ors* [2008] 4 CLJ 512 (Tab H, IAP), David Wong Dak Wah J kini JCA memutuskan "What is, reasonable cause to suspect, can of course only be gathered from the circumstances of each individual case … The pertinent time in determining this issue must be at the time when the seizures were made".

Undang-undang Semasa Yang Terpakai Kepada Kes Ini

[33] Peguam plaintif telah juga merujuk kepada undang-undang dan peraturan yang relevan di bawah Akta Kastam 1967 dan Akta Zon Bebas sebelum mahkamah mempertimbangkan dan menilai keterangan yang telah dikemukakan untuk kes ini.

(i) seksyen 2(1A) Akta Kastam 1967 yang jelas menyatakan bagi tujuan Akta ini (melainkan s. 31) Zon Bebas akan disifatkan sebagai satu kawasan di luar Malaysia.

(ii) seksyen 2 Akta Kastam 1967 mentakrifkan "barang larangan" sebagai "the goods the import or export of which either absolutely or conditionally prohibited by an order under s. 31 or by any other written law".

(iii) seksyen 2 Akta Kastam 1967 mentakrifkan "barangan tak berkastam" sebagai barangan di mana satu perlanggaran peruntukan di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang subsidiari yang dibuat di bawahnya telahpun dilakukan.

(iv) seksyen 31 Akta Kastam 1967 menyatakan bahawa Menteri boleh melarang pengimportan atau pengeksportan barang-barang ke dalam Malaysia, sama ada secara mutlak atau bersyarat dari dan ke negara ini.

(v) sub-perenggan 3(2)(a)(iii) Perintah (Larangan Import) Kastam 2008 yang sebenarnya merupakan perintah yang dibuat oleh Menteri di bawah s. 31 Akta Kastam 1967 di mana ia menyatakan bahawa lesen import tidak dikehendaki atau terpakai bagi barang-barang yang dibawa masuk ke Zon Bebas di Pelabuhan Barat, Pelabuhan Klang.

(vi) sub-perenggan 6(2) Perintah (Larangan Import) Kastam 2008 yang merujuk kepada barangan di Bahagian II Jadual Keempat, di mana cara/kaedah import dalam ruangan (5) termasuk melekatkan label cukai tidak terpakai dalam Zon Bebas kecuali pergerakan barangan tersebut dari kawasan Zon Bebas ke Kawasan Utama Kastam, Labuan, Langkawi dan Tioman.

(vii) pindaan kepada Bahagian II Jadual Keempat dalam Perintah (Larangan Import) Kastam 2009 menyatakan setiap paket barang mesti dicetak dengan mana-mana satu set teks dan imej amaran kesihatan.

(viii) seksyen 2 Akta Zon Bebas 1990 mentafsirkan Kawasan Utama Kastam atau "Principle Customs Area" sebagai mana-mana bahagian di dalam Malaysia tetapi tidak termasuk sesuatu Zon Bebas, Labuan, Langkawi dan Tioman.

(ix) seksyen 4 Akta Zon Bebas 1990 menerangkan di mana barang dan perkhidmatan dalam apa jua diskripsi kecuali yang mana dilarang secara mutlak atau secara khas oleh undang-undang, boleh dibawa

masuk, dikeluarkan, dikilangkan atau dibekalkan di dalam kawasan Zon Bebas tanpa pembayaran duti kastam, duti eksais, cukai jualan atau cukai perkhidmatan.

(x) peraturan 18 Peraturan Kastam 1977 – tiada tembakau dibenarkan diimport kecuali dengan satu lesen import yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kastam.

[34] Berdasarkan fakta, keterangan dan undang-undang di dalam kes ini tidak ada sebab yang munasabah untuk mengesyaki barang tersebut adalah tidak berkastam atau dilarang.

[35] Alasan-alasannya seperti berikut:

(a) Plaintif tidak memerlukan satu lesen import untuk membawa masuk barang tersebut ke dalam Zon Bebas tetapi masih mempunyai satu lesen import yang sah untuk mengimport ke dalam atau memindahkan barang tersebut dari kawasan Zon Bebas ke kawasan Kastam Utama.

(b) Plaintif tidak perlu membayar duti kastam bagi barang tersebut yang masih disimpan di dalam Zon Bebas dan NCER Trading Warehouse selaras dengan s. 4 Akta Zon Bebas 1990 dan s. 65 Akta Kastam 1967.

(c) Plaintif tidak diperlukan untuk mematuhi cara/kaedah import berhubung dengan pelekatan label cukai ke atas barang tersebut yang disimpan dalam Zon Bebas. Walau bagaimanapun plaintif telah melekatkan label cukai yang telah diluluskan oleh Jabatan Kastam.

(d) Plaintif tidak perlu mematuhi kehendak dan cara import berhubung penampalan amaran kesihatan pada barang tersebut apabila barang tersebut disimpan dalam Zon Bebas. Walau bagaimanapun plaintif telah menampalkan amaran kesihatan tersebut pada barang tersebut.

Keterangan Yang Dikemukakan Berkenaan Label Cukai

[36] Keterangan PW1:

(a) Rokok-rokok telah dibawa masuk secara sah ke West Port dan seterusnya dipindahkan ke NCER Trading Padang Besar.

(b) PW1 juga memberi keterangan bahawa plaintif pertama telah memohon label cukai tidak berbayar di mana Jabatan Kastam Wilayah Persekutuan telah meluluskan permohonan tersebut dan telah memberi label cukai berwarna "pinkish-blue". Plaintif pertama telah melekatkan ke atas kotak-kotak barang tersebut bagi membolehkan barang tersebut dipindah daripada kawasan Zon Bebas ke kawasan Utama Kastam melalui Borang Kastam No. 8.

(c) PW4, pegawai yang menasihati plaintif berkenaan dengan prosedur untuk pemindahan barang tersebut telah mengakui dalam keterangan bahawa undang-undang tidak menghendaki untuk melekatkan label

cukai ke atas barang tersebut sekiranya ia dibawa masuk dari luar negara ke dalam Zon Bebas kecuali pengimport berkenaan berhasrat untuk memindahkan barang tersebut daripada kawasan Zon Bebas ke kawasan Utama Kastam di mana label cukai perlu dilekatkan ke atas barang-barang tersebut.

(d) PW4 semasa keterangan apabila dirujuk kepada P13, mengatakan bahawa label cukai yang diberikan dan dilekatkan ke atas P13 tidak mempunyai sebarang indikasi bahawa cukai telah dibayar atau tidak. PW4 juga telah mengakui bahawa dalam keadaan di mana label cukai telah dibekalkan oleh Jabatan Kastam, maka ianya adalah dianggap sah.

(e) SD6 yang merupakan defendan ketiga dan pegawai penyiasat semasa pemeriksaan balas telah mengakui bahawa label cukai yang dilekatkan ke atas barang tersebut adalah dibekalkan oleh Jabatan Kastam dan label cukai yang dilekatkan ke atas P13 tersebut tidak mempunyai sebarang petunjuk bahawa cukai telah dibayar atau tidak dibayar. SD6 juga memberi testimoni bahawa berdasarkan Pekeliling Pentadbiran Jabatan, label cukai bagi rokok yang tidak berbayar duti adalah berwarna merah manakala warna bagi label cukai untuk rokok di mana duti telah dibayar adalah biru.

(f) SD6 juga mengakui bahawa tiada undang-undang mengesahkan warna bagi label cukai.

(g) SD6 juga telah mengakui bahawa di dalam penyiasatannya terdapat kesilapan oleh Jabatan Kastam dalam pembekalan label cukai kepada plaintif pertama. PW4 menyatakan di dalam pemeriksaan utama bahawa ia adalah tanggungjawab Jabatan Kastam untuk memberi notis kepada plaintif jika label cukai yang salah telah diisukan kepada plaintif pertama.

(h) Peguam plaintif berhujah bahawa plaintif tidak harus dihukum terhadap kesilapan yang telah dilakukan oleh Jabatan Kastam sepertimana yang dikatakan oleh SD6.

Bukti Berkenaan Dengan Penjualan Barangan Di Pasaran Tempatan

[37] Plaintif berhujah bahawa defendan yang gagal untuk memplid di dalam pernyataan pembelaannya fakta mengenai penjualan barang-barang tersebut di dalam pasaran tempatan.

[38] Oleh itu defendan tidak seharusnya diberikan laluan untuk mengemukakan keterangan secara berlisan bahawa plaintif ada niat untuk menjual barang tersebut di dalam pasaran tempatan dengan harga RM1.80.

[39] Menurut SD6, SD2 ada memberitahunya bahawa PW2 hendak menjual satu paket daripada barang tersebut pada harga RM1.80 tetapi dalam pemeriksaan balas apabila dirujuk kepada penyata saksi SD2, SD6 mengakui bahawa SD2 tidak pernah membuat kenyataan sebegitu di dalam mahkamah.

SD6 juga mengatakan bahawa SD6 memberitahunya bahawa "informer" telah memberi tiga paket daripada barang tersebut kepada SD2 tetapi dalam pemeriksaan balas apabila dirujuk kepada penyata saksi SD2, SD6 mengakui bahawa SD2 tidak pernah membuat kenyataan sebegitu di mahkamah.

[40] Oleh itu ada percanggahan di antara SD2 dan SD6. Isunya kenapa tiga paket tersebut tidak dikemukakan oleh SD2 atau SD6.

[41] Peguam plaintif juga berhujah kenapakah "informer" tidak dipanggil untuk memberi keterangan bagi pihak pembelaan? Seksyen 125 Akta Kastam 1967 tidak memberi perlindungan mutlak untuk mendedahkan "informer".

[42] SD6 mengakui bahawa berhubung dengan dokumen-dokumen yang ditandakan sebagai eks. D39A dan D39B, hanya mengesahkan penjualan rokok di gudang bon. Peguam plaintif berhujah bahawa tiada unsur duti kastam yang kena dibayar seperti Gudang NCER Trading. SD6 juga mengakui dalam pemeriksaan balas bahawa barang yang dirampas di Westport Zon Bebas dan NCER Trading Warehouse adalah semata-mata kerana disyaki.

Penyitaan Berterusan Barangan Tersebut Selepas Habis Bulan Satu Kalendar Dari Tarikh Penyitaan Menyalahi Undang-Undang

(a) Peguam plaintif berhujah bahawa penyitaan berterusan barang tersebut apabila tamat satu bulan kalendar dari tarikh penyitaan tanpa merujuk perkara itu ke mahkamah adalah menyalahi undang-undang.

(b) Defendan telah menyita barang pada 27 September 2010 dan tidak merujuk kepada mahkamah selepas satu bulan seperti yang dikehendaki oleh s. 128 Akta Kastam 1967.

(c) Plaintif berhujah bahawa SD6 mengakui dalam perbicaraan itu bahawa dia sedar akan tuntutan PW2 untuk pelepasan barang tersebut pada 27 September 2010. SD6 melalui surat balasannya bertarikh 1 November 2010 kepada peguam plaintif adalah bukti yang secukupnya untuk mengesahkan defendan menyedari mengenai tuntutan plaintif untuk pelepasan barang tersebut tetapi SD6 menegaskan bahawa perkara itu masih berada dalam siasatan. Ianya boleh disimpulkan di sini bahawa daripada jawapan SD6 pada 1 November 2011 bahawa penyitaan barang tersebut masih dalam siasatan dan tidak dilucuthak lagi walaupun selepas tamatnya bulan satu kalendar sebagaimana yang diperuntukkan di bawah s. 128(1) Akta Kastam 1967.

(d) Oleh itu defendan-defendan apabila mengakui menerima tuntutan daripada PW2 serta peguamcara plaintif melalui suratnya bertarikh 25 Oktober 2010, defendan-defendan sepatutnya merujuk perkara itu kepada mahkamah untuk diputuskan menurut s. 128(3) Akta yang sama tetapi telah gagal untuk berbuat demikian.

(e) Peguam plaintif juga merujuk kepada s. 128(2) Akta Kastam, "any person asserting that he is the owner of such goods and that they are not liable to forfeiture may give written notice to a senior officer of customs that he claims the seized goods". Beliau berhujah bahawa surat bertarikh 25 Oktober 2010 adalah notis yang memadai bahawa plaintif menuntut pelepasan barang tersebut. Apabila menerima surat peguam yang bertarikh 25 Oktober 2010 yang masih dalam tempoh masa satu bulan, defendan sepatutnya melepaskan barang tersebut atau merujuk kepada mahkamah menurut s. 128(3) Akta Kastam 1967.

Defendan Tidak Bertindak Dengan Segera Untuk Mengesahkan Penyitaan Itu

(a) Peguam plaintif berhujah bahawa siasatan lengkap pada April 2011, barang tersebut masih tidak dilepaskan.

(b) Defendan hanya memfailkan tuduhan jenayah (D40) selepas tiga tahun.

Sama Ada Pengesilan Premis Perniagaan Plaintif Pertama Di 5-2, Jalan USJ9/5Q Subang Business Centre Adalah Tidak Sah

(a) Peguam plaintif berhujah bahawa defendan-defendan di dalam penyata pembelaan mengakui bahawa defendan-defendan telah mengesil premis perniagaan plaintif pertama dan telah bertindak dalam bidang kuasa undang-undang (Akta Kastam 1967) untuk mengesil premis perniagaan plaintif pertama. Rujuk perenggan 26 penyata pembelaan.

(b) Defendan kedua sendiri telah mengakui di dalam pemeriksaan balas bahawa defendan kedua tidak mempunyai kuasa untuk mengesilkan premis perniagaan plaintif pertama. Oleh itu defendan adalah bertanggungan untuk membayar ganti rugi yang berpunca daripada tindakan yang tidak sah oleh defendan kedua.

[43] Peguam plaintif berhujah jika mahkamah berpendapat penyitaan dan mengesil premis plaintif pertama adalah tidak sah, maka plaintif adalah berhak untuk mendapat pampasan dan ganti rugi.

Keputusan

Liabiliti

Sama Ada Penyitaan Rokok-Rokok Kretek Jenama Club Adalah Sah Di Sisi Undang-Undang

[44] Saya telah meneliti pliding pihak defendan dan pembelaannya adalah jelas. Pembelaan defendan bahawa rampasan dan sitaan adalah berdasarkan wujudnya *prima facie* terhadap plaintif bahawa plaintif disyaki melakukan kesalahan. Walau bagaimanapun di dalam penghujahan bertulisnya, pihak defendan telah berhujah wujudnya sebab yang munasabah untuk mempercayai kesalahan telah dilakukan oleh pihak plaintif di mana defendan berhak membuat rampasan. Saya dapati apabila dicabar oleh peguam plaintif

bahawa defendan telah terserong dari plidingnya, pihak defendan pula di dalam penghujahan balas berhujah pula bahawa pembelaan mereka adalah defendan-defendan mempunyai matlamat, fakta dan bukti *prima facie* bahawa plaintif disyaki telah melakukan kesalahan di bawah Akta Kastam.

[45] Saya juga berpendapat defendan-defendan semasa perbicaraan berlangsung telah gagal mengemukakan sebarang bukti (an iota of evidence) yang kukuh untuk membuktikan barang yang disita tersebut adalah tidak berkastam atau dilarang untuk mengesahkan sesuatu kesalahan di bawah s. 135(1)(a) dan (d) Akta Kastam 1967 telah dilakukan. Saya berpendapat bahawa jika penyitaan barang tersebut adalah berdasarkan bukti *prima facie*, maka defendan adalah dibebankan untuk membuktikan bahawa keterangan adalah mencukupi bagi pihak plaintif untuk menjawab (to rebut).

[46] Saya merujuk kepada kes *Lt Kol Yusof Abdul Rahman v. Kol Anuar Md Amin, Yang Dipertua Mahkamah Tentera Pulau Pinang & Anor* [1997] 2 CLJ 752; [1997] 1 MLJ 562 (tab-C, PBA) mengatakan sebegini:

> ... standing by itself, the term "*prima facie*" means "at first sight". But a "*prima facie*" case means a case has proceeded to that stage where it is regarded as proved because the evidence led supports such a finding if evidence to the contrary is disregarded.

[47] Di dalam kes ini juga, saya perhatikan defendan telah berhujah dengan panjang lebar kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada pihak kastam untuk membuat penggeledahan. Seksyen 114 Akta Kastam memperuntukkan jika wujud alasan yang munasabah untuk mengesyaki satu kesalahan telah dilakukan, maka pihak kastam mempunyai kuasa untuk menyita. Saya juga bersetuju dengan peguam defendan bahawa di bawah per. 145 Perlembagaan Persekutuan, Peguam Negara mempunyai kuasa untuk memulakan atau mematikan prosiding bagi sesuatu kesalahan.

[48] Saya juga bersetuju dengan peguam defendan bahawa penyimpanan barangan di dalam kawasan bebas cukai bukanlah bermakna plaintif kebal undang-undang. Sitaan dan rampasan boleh dilakukan apabila wujudnya kesalahan yang disyaki dilakukan di kawasan bebas cukai tersebut. Sekiranya sedemikian, maka Parlimen tidak akan mewujudkan peruntukan s. 26 Akta Zon Bebas 1990.

[49] Saya juga telah meneliti s. 26 Akta Kastam yang membenarkan penyitaan dibuat sekiranya wujud sebab-sebab yang munasabah untuk mengesyaki bahawa kesalahan telah dilakukan di bawah Akta Kastam 1967.

[50] Saya juga telah meneliti s. 135(1)(d) Akta yang sama yang telah memperuntukkan:

> whoever knowingly harbours, keeps, conceals, or is in possession of, or permits, suffers, causes or procures to be harboured, kept or concealed, any uncustomed or prohibited goods.

[51] Tetapi, walaupun pihak defendan mempunyai kuasa seperti yang dirujuk olehnya, bagi kes di hadapan saya, apa yang saya perlu putuskan adalah di dalam hal keadaan kes ini adakah sebab-sebab yang mencukupi untuk mengesyaki bahawa barang tersebut adalah barang tidak berkastam atau dilarang untuk pihak defendan merampas barang plaintif. Saya merujuk kepada kes *Government of the State of Sabah v. Syarikat Raspand* di mana Mahkamah Rayuan telah memutuskan:

> ... in order to determine as to whether a forest officer has 'reason to believe that a forest offence has been committed, the court must examine the circumstances objectively and not subjectively.

[52] Justeru, di dalam kes ini mahkamah ini harus mengambil kira semua fakta yang relevan dan keterangan secara kumulatif yang dibentangkan oleh defendan-defendan untuk memastikan barang-barang tersebut merupakan barang tak berkastam atau dilarang pada ketika atau sebelum penyitaan barang tersebut dilakukan.

[53] Di dalam memutuskan isu tersebut, saya telah meneliti undang-undang yang relevan seperti yang telah dirujuk oleh peguam defendan di dalam penghujahannya dan juga peruntukan yang dibincang oleh peguam plaintif.

[54] Setelah meneliti undang-undang tersebut, fakta kes secara keseluruhannya, adalah pendapat saya bahawa plaintif pertama mempunyai lesen import yang sah dan telah memperolehi kelulusan serta dibekalkan label cukai dari Jabatan Kastam sebagaimana dikehendaki di bawah undang-undang bagi tujuan pemindahan barang tersebut dari Zon Bebas ke kawasan Kastam Utama. Oleh itu, maka tidak ada satu sebab yang munasabah untuk mempercayai atau mengesyaki bahawa barang tersebut yang telah dirampas di Gudang Westport Distripark Consortium, Pelabuhan Barat, Pelabuhan Klang dan Gudang NCER Trading, Padang Besar adalah tak berkastam atau dilarang.

[55] Saya juga dapati plaintif telah mematuhi undang-undang terutamanya kehendak di bawah sub-perenggan 3(1) dan 6(2) 2008 Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2008 untuk memindahkan barang tersebut dari Zon Bebas, Pelabuhan Klang ke Gudang NCER Trading, Padang Kastam Besar yang terletak di sebuah kawasan Kastam Utama (PCA).

[56] Daripada keterangan yang dikemukakan oleh saksi-saksi, tiada elemen mengenai pembayaran duti kastam di dalam Zon Bebas dan Gudang NCER Trading, maka tidak ada apa-apa sebab untuk mengesyaki bahawa barang tersebut adalah satu barang yang tidak berkastam kerana barang tersebut masih di dalam Zon Bebas dan Gudang NCER pada masa penyitaan tersebut.

[57] Berkenaan dengan label cukai di dalam kes ini, adalah jelas PW1 telah memohon label cukai tidak berbayar dan pihak kastam telah meluluskan permohonan tersebut dan telah memberi label cukai berwarna "pinkish-

blue". Oleh itu plaintif telah melekatkan ke atas kotak-kotak barang tersebut bagi membolehkan barang tersebut dipindah daripada kawasan Zon Bebas ke kawasan Utama Kastam.

[58] Saya telah meneliti penghujahan defendan yang menyatakan bahawa wujudnya syak yang munasabah bahawa plaintif telah melakukan kesalahan di bawah Akta Kastam. Peguam Kanan Persekutuan telah berhujah bahawa ujian yang terpakai untuk mengetahui bahawa sama ada wujud syak yang munasabah ataupun tidak ialah apa yang ada di dalam minda dan diri pegawai-pegawai yang melakukan penggeledahan, rampasan dan sitaan pada masa material. Oleh yang demikian, apa yang ada dalam fikiran pegawai-pegawai ini ketika penggeledahan, rampasan dan sitaan dibuat adalah penting, dan bukannya apa yang ada di dalam hati plaintif.

[59] Beliau telah merujuk kepada keterangan pegawai penyiasat (SD6) yang berbunyi:

> S16 : Apakah hasil siasatan kamu ke atas dokumen-dokumen serta 2 paket rokok jenama Club 16 yang mempunyai label cukai rokok berwama Biru yang disita daripada premis Syarikat Ramunas Sdn Bhd pada 24 September 2010?
>
> J16 : Pertama, Plaintif dalam recorded statement pada 27 September 2010 mengakui bahawa 2 paket rokok jenama Club 16 mempunyai label cukai rokok yang dibekalkan oleh Kastam dan dilekatkan di kilang Bentoel, Indonesia. Kedua, berkaitan dengan dokumen-dokumen yang disita, saya percaya dokumen-dokumen ini merujuk kepada promosi penjualan rokok jenama Club 16 ke dalam pasaran tempatan Malaysia oleh Plaintif.

[60] Daripada penyataan ini, saya gagal untuk memahami bagaimana daripada dokumen-dokumen yang disita, beliau berpendapat ianya merujuk kepada promosi penjualan rokok ke dalam pasaran tempatan.

[61] Tambahan pula SD6 mengakui di dalam penyiasatannya terdapat kesilapan oleh Jabatan Kastam dalam pembekalan label cukai kepada plaintif pertama. PW4 menyatakan di dalam pemeriksaan utama bahawa ia adalah tanggungjawab Jabatan Kastam untuk memberi notis kepada plaintif jika label cukai yang salah telah diisukan kepada plaintif pertama. Oleh yang demikian, berdasarkan alasan-alasan tersebut, boleh dirumuskan bahawa tiada alasan yang munasabah untuk mengesyaki bahawa barang tersebut adalah tidak berkastam atau dilarang.

[62] Berkenaan dengan dakwaan pihak defendan bahawa plaintif sedar yang cukai label yang salah telah diisukan oleh Jabatan Kastam dengan mengemukakan bukti pembelian bagi label cukai tersebut pada tahun 2009 (eks. D38), SD6 dalam pemeriksaan balas mengakui bahawa dia tidak mempunyai sebarang pengetahuan mengenai apakah warna label cukai yang diberikan oleh Jabatan Kastam pada masa tersebut. Oleh itu saya bersetuju dengan peguam plaintif bahawa bukti penting ini memusnahkan kes defendan

kerana defendan yang mendakwa fakta material ini telah gagal untuk mengemukakan bukti mengenai warna label cukai yang sebenarnya yang telah dibekalkan kepada plaintif pada tahun 2009. Bahkan SD6 telah mengakui bahawa beliau tidak tahu apakah warna sebenar label cukai yang dibekalkan oleh jabatan kepada plaintif.

[63] Berkenaan dengan bukti penjualan barangan di pasaran tempatan, saya bersetuju dengan peguam plaintif bahawa pihak defendan gagal untuk memplid di dalam pernyataan pembelaannya mengenai fakta penjualan barang tersebut di dalam pasaran tempatan.

[64] Lagipun jika ada fakta bahawa informer ada memberi tiga paket daripada barang tersebut kepada SD2 adalah benar, mengapakah pula SD2 atau SD6 telah gagal untuk mengemukakan tiga paket tersebut di mahkamah ini? Selain itu, SD6 dalam pemeriksaan balas telah mengakui tiada bukti bahawa plaintif ada niat untuk menjual sepaket barang tersebut kepada harga RM1.80 tetapi telah hanya bergantung kepada maklumat yang diberikan kepadanya oleh informer tersebut. Ini secara nyata mengesahkan bahawa defendan hanya bergantung semata-mata kepada maklumat yang diberikan oleh informer tanpa sebarang bukti.

[65] Mengenai isu penyitaan berterusan barang tersebut selepas satu bulan dari tarikh penyitaan, saya bersetuju dengan peguam plaintif ianya telah menyalahi undang-undang. Di dalam kes ini defendan yang telah menyita barang tersebut sejak 27 September 2010 tidak merujuk perkara itu kepada mahkamah untuk diputuskan apabila tamat satu bulan kalendar dari tarikh penyitaan sebagaimana dikehendaki dilakukan di bawah s. 128 Akta Kastam 1967. PW2 memplid dan memberi keterangan bahawa pada 27 September 2010 beliau telah hadir di hadapan SD6 (defendan ketiga) mengemukakan segala dokumen yang berkaitan untuk memohon pelepasan barang tersebut yang dirampas dari Westport tetapi SD6 gagal dan/atau enggan untuk melepaskan barang tersebut kepada plaintif. SD6 mengakui dalam pemeriksaan balas bahawa plaintif ada membuat tuntutan pada 27 September 2010 untuk pelepasan barang tersebut. Seksyen 128 Akta Kastam 1967 (tab-E, p. 54 PBA) menerangkan:

> (1) If there be no prosecution with regard to any goods seized under this Act, such goods or the proceeds of sale of such goods which are held pursuant to paragraph 115(1)(c) shall be taken and deemed to be forfeited at the expiration of one calendar month from the date of seizure of the goods unless, before such expiration -
>
> (a) a claim to such goods or the proceeds of sale of such goods is made under subsection (2);
>
> (b) a written application is made for the return of such goods under paragraph 115(1)(a) or paragraph 115(1)(b); or
>
> (c) such goods are returned under the said paragraph 115(1)(a) or paragraph 115(1)(b).

(2) Any person asserting that he is the owner of such goods or the proceeds of sale of such goods, as the case may be, and that they are not liable to forfeiture may give written notice to a senior officer of customs that he claims the same.

(3) On the expiration of the period mentioned in subsection (1), or, if a decision is made earlier that there be no prosecution with regard to the goods, on the making of the decision the senior officer of customs shall, if such goods or the proceeds of sale of such goods are not taken and deemed to be forfeited under that subsection, refer the claim to the Director General who may direct that such goods or the proceeds of sale of such goods or the security furnished under paragraph 115(1)(a) or paragraph 115(1)(b), as the case may be, be released, or may direct such senior officer of customs, by information in the prescribed form, to refer the matter to a Magistrate of the First Class for his decision.

[66] Adalah jelas daripada keterangan bahawa SD6 sedar akan tuntutan PW2 untuk pelepasan barang tersebut pada 27 September 2010. SD6 melalui surat balasannya bertarikh 1 November 2010 kepada peguam plaintif adalah bukti yang secukupnya untuk mengesahkan defendan menyedari mengenai tuntutan plaintif untuk pelepasan barang tersebut tetapi SD6 menegaskan bahawa perkara itu masih berada dalam siasatan.

[67] Oleh itu saya berpendapat defendan, apabila menerima tuntutan daripada PW2 serta peguamcara plaintif melalui surat bertarikh 25 Oktober 2010, defendan-defendan sepatutnya merujuk perkara itu kepada mahkamah untuk diputuskan menurut s. 128(3) Akta yang sama tetapi telah gagal untuk berbuat demikian.

[68] Mengenai penghujahan defendan bahawa surat tuntutan pampasan ganti rugi bukannya tuntutan pengembalian barang-barang seperti yang diperuntukkan di bawah s. 128(2) Akta Kastam, saya tidak setuju dengan pihak defendan. Saya merujuk kepada s. 128(2) Akta Kastam:

> any person asserting that he is the owner of such goods and that they are not liable to forfeiture may give written notice to a senior officer of customs that he claims the seized goods.

[69] Pada pendapat saya kehadiran PW2 pada 27 September 2010 untuk menuntut pelepasan barang tersebut dan pengeluaran surat peguam bertarikh 25 Oktober 2010 adalah notis yang memadai bahawa plaintif menuntut pelepasan barang tersebut. Dalam kes ini defendan-defendan menyedari sepenuhnya bahawa plaintif pertama adalah pemilik sebenar barang tersebut melalui pengeluaran notis sitaan di bawah s. 114 Akta Kastam 1967 bertarikh 24 September 2010 dan 27 September 2010 kepada plaintif pertama sendiri.

[70] Saya rujuk kepada perkataan "may" yang disebut di dalam s. 128(2). Saya bersetuju dengan peguam plaintif bahawa ianya hanyalah "permissive" dan bukan "mandatory". Bagi saya, suatu notis bertulis untuk menuntut

barang yang disita boleh dikeluarkan dalam apa-apa cara atau bentuk memandangkan undang-undang tidak menyatakan satu bentuk spesifik selagi notis tuntutan itu dibawa kepada pengetahuan defendan. Dalam hal ini, PW2 hadir secara diri di pejabat SD6 menuntut pelepasan barang tersebut seperti yang diakui oleh SD6 semasa perbicaraan.

[71] Oleh itu saya berpendapat apabila tamatnya tempoh satu bulan kalendar dari tarikh penyitaan barang itu dan tiada apa-apa pendakwaan dalam satu bulan kalendar berkenaan dengan barang yang disita, maka kegagalan untuk merujuk perkara itu kepada mahkamah membuat penyitaan barang itu secara berterusan sebagai tidak sah.

[72] Saya rujuk kepada kes:

(i) *Soong Chee Kong v. Public Prosecutor And Ng Soon Sum and Anor v. Public Prosecutor* [1950] 1 LNS 84; [1951] 17 MLJ 5;

(ii) *SS Legend Nautilus (M) Sdn Bhd v. Hamzah Mohd Ghauth & Ors* [2013] 3 CLJ 947; [2013] MLJU 153 di mana YA Suraya Othman dalam penghakimannya menyatakan:

> Such failure by the Defendants to refer the Plaintiff's claim to a Magistrate tantamount to a breach of the statutory duties pursuant to section 128(1) Customs Act 1967, section 128(2) Customs Act 1967 and section 128(3) Customs Act 1967. As such based on the above reasons, the further detention of the beer consignment after one month from the date of its seizure without referring the matter to a Magistrate for a decision on the Plaintiffs claim was wrong in law.

[73] Mengenai tohmahan plaintif bahawa pengesilan perniagaan-perniagaan plaintif pertama di 5-2, Jalan USJ 9/5Q Subang Business Centre, UEP Subang Jaya, saya bersetuju dengan peguam plaintif bahawa ini adalah kerana s. 114A Akta Kastam 1967 dan s. 26 Akta Zon Bebas 1990 merujuk secara spesifik kepada penyitaan "barang-barang". Barang-barang ditakrifkan di bawah s. 2 Akta Zon Bebas 1990 dan Akta Kastam 1967 sebagai "includes animals, birds, fish, plants and all kind of movable goods".

[74] Setelah membuat keputusan dari segi liabiliti bahawa penyitaan barang kretek milikan plaintif adalah tidak sah dan pengesilan premis plaintif adalah tidak sah, apakah pampasan yang wajar diperolehi oleh pihak plaintif? Pihak plaintif di dalam penyata tuntutan telah menuntut seperti berikut:

(a) Ganti rugi/pampasan berjumlah RM472,120 untuk harga 292 master-case (23,347 karton/233,470 peket) rokok kretek jenama "CLUB" yang mana telah disita dan semua kos yang berbangkit berkaitan;

(b) Ganti rugi/pampasan berjumlah RM14,470,400 untuk penamatan kontrak yang disebabkan oleh penyitaan barang tersebut;

(c) Ganti rugi teladan untuk dibayar kepada plaintif pertama kerana penyalahgunaan kuasa oleh defendan-defendan dalam menyita 23,347 karton rokok kretek dan penyitaan premis perniagaan plaintif pertama;

(d) Ganti rugi am untuk dibayar kepada plaintif pertama;

(e) Faedah pada kadar lapan (8%) percent per annum untuk dikira daripada jumlah ganti rugi/pampasan yang diperintahkan untuk dibayar di bawah perenggan a, b, c, d di atas dari tempoh pemfailan writ sehingga penyelesaian penuh;

(f) Kos untuk tindakan ini; dan

(g) Relif-relif lain yang difikirkan wajar dan sesuai oleh Mahkamah Yang Mulia.

Ganti rugi Sebanyak RM472,120

Hujahan Peguam Defendan

[75] Plaintif telah gagal membuktikan jumlah harga rokok yang dibeli dari Indonesia. Plaintif juga gagal memanggil sebarang saksi dari pihak Indonesia (Syarikat PT. Bentoel Prima) untuk membuktikan jumlah tersebut.

Hujahan Pihak Plaintif

[76] Peguam plaintif sebaliknya berhujah RM472,120 merupakan nilai barang tersebut pada masa penyitaan dan semua kos sampingan. SP5 telah mengemukakan dokumen-dokumen yang berkaitan (eks. P26, 27, 28, 29 dan 30, ms. 73-78 Ikatan Dokumen Bersama (CBD)) untuk membuktikan pembayaran berkaitan pembelian barang tersebut daripada PT Bentoel, Indonesia. Plaintif pertama telah melakukan telegraphic transfer kepada PTD Bentoel, Indonesia untuk jumlah USD90,000 (RM279,000) berkenaan pembelian 340 master-case (27,200 karton/272,000 peket) barang tersebut termasuk kos pencetakan untuk dua kontena (680 master-case). Plaintif-plaintif juga telah mengemukakan dokumen-dokumen untuk membuktikan 96 master-case (7,680 karton/76,800 peket) telah dipindahkan secara sah daripada kawasan Zon Bebas ke Gudang NCER di mana 48 master-case (3,860 karton/38,600 peket) barang tersebut telah dijual kepada Choo & Yung Trading di Gudang NCER pada harga RM1.90 setiap peket untuk tujuan pengeksportan ke Thailand.

Ganti Rugi Pembatalan Kontrak

Hujahan Plaintif

[77] Peguam plaintif berhujah bahawa berkenaan kehilangan pendapatan disebabkan penamatan kontrak jualan, walaupun plaintif-plaintif menuntut RM14,470,400, mahkamah ini masih berhak untuk membuat taksirannya sendiri dan mengawardkan jumlah yang munasabah sebagai ganti rugi dengan menggunakan bukti-bukti yang sedia ada.

[78] Ganti rugi yang seharusnya diawardkan kepada plaintif pertama berkaitan kehilangan pendapatan berdasarkan kontrak jualan sepatutnya adalah kerugian bersih iaitu perbezaan di antara harga jualan dan harga belian.

[79] Berdasarkan bukti yang sedia ada, mahkamah ini boleh menganggarkan jumlah kerugian kerana terdapat bukti harga jualan setiap peket iaitu RM1.90 sementara kos setiap peket boleh dikenalpasti daripada invois pembelian yang ditanda sebagai eks. P30, ms. 78 CBD. Pengiraan bagi kos setiap peket barang tersebut adalah seperti berikut:

(a) Untuk membeli 340 master-case (272,000 peket), plaintif-plaintif membayar USD90,000 (RM279,000) yang mana merangkumi USD76,500 (RM237,150) untuk kos produk dan USD7,800 (RM24,180), kos pencetakan untuk 340 master-case. Justeru jumlah keseluruhan pembelian 340 master-case (272,000 peket) adalah (RM237,150 + RM24,180) = RM261,330 (lebih kurang RM0.95 sen sepeket). Justeru jumlah keseluruhan kos pembelian barang tersebut berdasarkan kontrak jualan adalah seperti berikut:

(i) November dan Disember 2010 (dua kontena setiap bulan) = empat kontena @ 340 master-case each container = 1360 m/c x 80 karton x 10 peket = 1,088,000 peket @ 0.95 = RM1,033,600.

(ii) Januari – Disember 2011 (dua kontena setiap bulan) = 24 container @ 340 m/c = 8160 m/c x 80 karton x 10 peket = 6,528,000 @ 0.95 = RM6,201,600.

Jumlah keseluruhan kos = RM7,235,200.

(b) Berpandukan kontrak jualan, jumlah keseluruhan jualan adalah seperti berikut:

(i) November – Disember 2010 (dua kontena setiap bulan) = empat kontena @ 340 m/c setiap kontena = 1360 m/c x 80 karton x 10 peket = 1,088,000 peket @ 1.90 = RM2,067,200.

(ii) Januari – Disember 2011 (dua kontena setiap bulan) = 24 kontena @ 340 m/c = 8160 m/c x 80 karton x 10 peket = 6,528,000 @ RM1.90 = RM12,403,200.

Jumlah harga jualan = RM14,470,400.

Hujahan Defendan

[80] Ganti rugi dan akibat pembatalan kontrak terjatuh pada pure economic loss.

[81] Kes yang dirujuk adalah *Pilba Trading & Agency v. South East Asia Insurance Bhd & Anor* [1999] 8 CLJ 403; [1998] 2 MLJ 53. Di dalam kes tersebut telah diputuskan bahawa:

More precisely, in the instant case, this loss is alleged economic loss which includes the expenses incurred by the appellant in hiring alternative transport while the vehicle was still in the workshop. It is a financial or pecuniary loss and does not involve any physical damage or the danger of physical damage to the property of the appellant. It is a case concerning pure economic loss. It is quite distinct from cases of economic loss involving physical damage.

[82] Peguam defendan berhujah bahawa kehilangan "kontrak" (kewujudan kontrak dinafikan) yang dinyatakan adalah di antara plaintif dengan Kongkan Enterprise (Thiland). Ianya bukanlah akibat daripada ganti rugi kerosakan atau kehilangan ke atas barang yang dirampas (yang mana plaintif telah menuntutnya di bawah tajuk ganti rugi khas nilai rampasan barang).

[83] Ganti rugi ini merupakan satu ganti rugi berbentuk kewangan atau keuntungan di masa hadapan di antara plaintif dengan Kongkan. Dalam hubungan "kontrak" tersebut ada tanggungjawab dan ada remedi-remedi yang disediakan oleh terma kontrak dan undang-undang di antara sesama mereka jika berlaku sebarang pecah kontrak ke atas keduanya.

[84] Kes *UDA Holdings Bhd v. Koperasi Pasaraya Malaysia Bhd & Other Appeals* [2009] 1 CLJ 329; [2009] 1 MLJ 737 adalah dirujuk.

Peguam defendan juga merujuk kepada kes *Pengarah, Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan, Semenanjung Malaysia & Ors v. Sistem Transit Aliran Rakyat 7 Sdn Bhd* [2012] 1 LNS 1375.

Satu lagi kes yang dirujuk ialah *Majlis Perbandaran Ampang Jaya v. Steven Phoa Cheng Loon & Ors* [2006] 2 CLJ 1.

[85] Peguam defendan juga berhujah bahawa kontrak di antara plaintif dengan Kongkan Enterprise tidak wujud. lni adalah kerana:

(i) saksi plaintif iaitu pengurus Kongkan (Jamnong) sendiri telah memberitahu beliau tidak pernah membayar untuk pembelian rokok-rokok tersebut;

(ii) apa yang diterima oleh Jamnong hanya sampel rokok; dan

(iii) oleh kerana tidak wujud sebarang pembayaran dan/atau transaksi antara Kongkan dan plaintif seperti keterangan Jamnong semasa perbicaraan, tuntutan plaintif adalah di bawah kategori "pure economic loss".

[86] Saya telah meneliti keterangan saksi plaintif dan penghujahan kedua-dua belah pihak. Saya telahpun membuat finding bahawa rampasan oleh defendan adalah tidak sah. Saya berpuas hati bahawa plaintif telah mengimport rokok tersebut daripada Indonesia dan telah mengemukakan bukti bahawa barang tersebut telah melakukan telegraphic transfer untuk import barang tersebut. Oleh kerana itu, saya berpendapat plaintif layak untuk mendapat RM472,120 untuk harga 292 master-case rokok kretek jenama Club yang telah disita dan semua kos yang berbangkit berkaitan.

[87] Bagi jumlah RM14,470,400 yang dituntut oleh plaintif, saya berpendapat plaintif tidak layak untuk jumlah tersebut kerana ia lebih kepada pure economic loss.

[88] Saya merujuk kepada kes *UDA Holdings Bhd v. Koperasi Pasaraya Malaysia Bhd & Other Appeals* [2009] 1 CLJ 329; [2009] 1 MLJ 737 yang memutuskan seperti berikut:

> [14] The question that may be first asked in what is the meaning of 'pure economic loss'. To put it simply pure economic loss is financial or pecuniary loss that does not arise from any physical damage to the person or property (see the case of *Pilba Trading & Agency v. South East Asia Insurance Bhd & Anor* [1998] 2 MLJ 53). The legal position in Malaysia in relation to awards for claim for pure economic loss has been succinctly dealt with in the *Highland Towers* case (reference *Majlis Perbandaran Ampanq Jaya v. Stephen Phoa & Ors* [2006] 2 MLJ 389 FC). His Lordship Abdul Hamid Mohamed FCJ (as he then was) in coming to his decision that the local authority, MPAJ was not liable on grounds of public policy and local circumstances in that case also dealt with the general position of the law in Malaysia with regard to claims for pure economic loss. His Lordship was of the view that Malaysian Courts do not readily award claim for pure economic loss and the Courts recognise the need to limit recoverability for pure conomic loss. In his judgment His Lordship also referred to several local cases such as the cases of (1) *Pilba Trading & Agency v. South East Asia Insurance Bhd & Anor*; (2) *Kerajaan Malaysia v. Cheah Foong Chew & Ors* [1993] 2 MLJ 439 and (3) *Nepline Sdn Bhd v. Jones Lang Wootton* [1995] 1 AMR 451. It is clear from all these cited cases, the position in Malaysia is that our Courts have been inclined to disallow claims for pure economic loss. If at all the Court in allowing the claim as in *Nepline*'s case, did so on the ground that the claim was in respect of a definite amount which had already been paid by the appellant and it was that amount only which the appellant then sought to recover. [Reference in bracket inserted by us].

[89] Saya juga merujuk kepada kes *Majlis Perbandaran Ampang Jaya v. Steven Phoa Cheng Loon & Ors* [2006] 2 CLJ 1 di mana keputusan ini juga telah dirujuk di dalam *UDA Holdings* yang berbunyi:

> [66] Even if we accept that the question is not the nature of the damage itself, whether physical or pecuniary, but whether the scope of the duty of care in the circumstances of the case is such as to embrace damage of the kind suffered by the Plaintiffs, there is the additional factor to be considered ie, **whether it is fair, just and reasonable to impose such a duty. This is where public policy and local circumstances come into consideration**: in *Caparo Industries Plc v. Dickman* [1990] 1 All ER 568 (HL) at p. 573 to 574, Lord Bride said:
>
> > What emerges is that, is addition to the foreseeability of damage, necessary ingredients in any situation giving rise to a duty of care are that there should exist between the party owing the duty and the party to whom it is owed a relationship characterised by the law as one of 'proximity' or 'neighbourhood' and that the situation

should be one in which the council considers it fair, just and reasonable that the law should impose a duty of a given scope on the party for the benefit of the other. (emphasis added).

[90] Mahkamah Persekutuan juga memutuskan bahawa:

[74] While economic loss under limited situations may be allowed, Malaysian Courts will have to consider the effects of s. 3 of the Civil Law Act 1956 and, considering the 'public policy' and the 'local circumstances', whether it is fair, just and reasonable to allow it on the facts and in the circumstances of the case.

[91] Oleh itu saya bersetuju bahawa plaintif tidak layak untuk dapati ganti rugi di atas halangan undang-undang melalui s. 3 Akta Undang-Undang Sivil 1956 dan juga atas sebab pertimbangan polisi (policy consideration) dan keadaan-keadaan tempatan (local circumstances) sebagaimana yang telah diputuskan di dalam kes-kes Mahkamah Persekutuan dan Rayuan yang dirujuk di atas.

[92] Akhir sekali, saya rujuk kepada s. 132 Akta Kastam 1967 yang menyatakan bahawa:

Section 132: No costs of damages arising from seizure to be recoverable unless seizure without reasonable or probable cause.

No person shall in any proceedings before any Court in respect of the seizure of any goods seized in exercise or the purported exercise of any power conferred under this Act, be entitled to the costs of such proceedings or to any damages or other relief other than an order for the return of such goods or the payment of their value unless such seizure was made without reasonable or probable cause.

[93] Sebagai penutup, saya berpendapat plaintif hanya layak untuk kos rokok kretek yang telah dibeli olehnya tetapi disita oleh pihak defendan. Saya juga membenarkan kos kepada plaintif.